

## 1. PENGANTAR :

Kajian ini adalah mengenai masyarakat Jawa di kampung Sungai Udang, Kelang. Bab 1 ini adalah mengenai pengenalan kajian ini, di mana dalam bab ini akan menyentuh mengenai objektif kajian, metodologi yang digunakan serta latar belakang tempat kajian. Bab seterusnya akan membincangkan mengenai teori yang digunakan serta hasil dan analisis kajian ini.

### 1.2 OBJEKTIF KAJIAN :

Secara umum, objektif kajian ini adalah untuk melihat tahap hubungan yang dijelani oleh masyarakat Jawa di kampung Sungai Udang. Analisa kajian ini akan cuba meng-huraikan sejauh mana tahap hubungan tersebut dipengaruhi oleh penyertaan serta pergerakan institusi-institusi informal dalam masyarakat ini. Tujuan kajian adalah melihat bentuk solidarity yang wujud dalam masyarakat ini, kaitannya dengan pergerakan institusi informal serta kesan dan perubahan yang diterima oleh masyarakat ini sebagai akibat dari perubahan arus pelodenan ke dalam budaya tradisi.

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk melihat dan menganalisa ;

- i- melihat tingkat hubungan atau bentuk solidarity yang dijelani oleh anggota masyarakat Jawa, di kampung Sungai Udang.

ii- melihat bentuk-bentuk institusi informal yang bergerak dalam masyarakat ini.

iii- melihat penyertaan anggota masyarakat ini dalam pergerakan institusi-institusi informal tersebut.

iv- melihat sejauh mana penyertaan mereka serta pergerakan institusi-institusi informal tersebut mempengaruhi dan mendorong melahirkan derajat atau bentuk solidarity yang wujud.

### 1.3 METHODOLOGI :

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan berbagai kaedah yang dianggap sesuai. Memandangkan kajian ini akan menitikberatkan aspek dalaman anggota masyarakat ini, maka kaedah utama bagi kajian ini adalah pemerhatian dan temubual. Ini disebabkan kaedah lain tidak begitu berkesan untuk kajian berbentuk sedemikian.

#### 1.3.1 PENGUMPULAN DATA :

Data-data yang dikutip bagi kajian ini adalah di dapati melalui 3 kaedah ;

##### i- Pemerhatian ;

Kaedah pemerhatian dijalankan untuk mendapatkan data yang bersifat 'external', iaitu yang bersifat luaran. Ianya meliputi hubungan yang luas seperti aspek nilai dan norma, aspek ini hanya dapat dilihat dari aspek yang luas iaitu secara keseluruhan. Aspek ter-

sebut tidak dapat dinilai melalui kaedah temu bual. Misalnya, kerana perlakuan individu adalah dipengaruhi oleh masyarakatnya. Melalui kaedah temu bual responden hanya akan memberikan aspek-aspek positif sahaja.<sup>(1)</sup> Ini tentunya akan mengakibatkan penganalisaan adalah tidak menyeluruh, di mana pengaruh masyarakat terhadap individu itu tersembunyi.

ii- Temu Bual :

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan secara terperinci data-data yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian. Perlakuan-perlakuan yang ditampikan oleh individu dapat diketahui faktor-faktor yang mempengaruhinya atau sebab ia dilakukan. Melalui kaedah ini faktor-faktor dalaman responden atau suatu fenomena itu dapat dilihat. Kaedah ini juga dapat digunakan sebagai 'cross check' data-data yang diperolehi terdahulu melalui kaedah lain. Memandangkan kajian ini adalah mengenai solidariti, maka aspek budaya dan nilai merupakan tumpuan utama. Kaedah ini didapati sesuai digunakan bagi mendapatkan data mengenainya kerana responden tidak terikat untuk memberikan jawapan.

iii- Soal-Selidik :

Kaedah soal selidik digunakan bagi mendapatkan data-data mengenai latar belakang sosio-ekonomi responden terutamanya, kerana kaedah lain didapati kurang berkesan untuk mendapatkan data tersebut. Kaedah ini

juga sebagai satu cara yang mudah dan cepat bagi mendapatkan data-data. Ini kerana terdapat beberapa masalah yang tidak membolehkan pengkaji untuk menemu buai kesemua responden. Oleh itu kaedah ini digunakan bagi mengutip data dengan lebih cepat dan meliputi jumlah yang banyak. Ianya juga untuk mendapatkan bukti perangkaan bagi menjalankan kajian ini.

### 1.3.2 KAJIAN PERPUSTAKAAN :

Kajian perpustakaan dijalankan bagi mendapatkan panduan untuk menjalankan kajian ini. Kajian yang dilakukan adalah untuk memperolehi panduan mengenai teori-teori yang relevan bagi kajian ini, data-data sekunder bagi kajian ini serta kaedah-kaedah kajian yang sesuai untuk digunakan. Tinjauan ke atas karya-karya terdahulu memberi peluang kepada pengkaji mempelajari dari pengalaman orang lain, di samping memperbaiki kaedah-kaedah yang pernah digunakan oleh mereka. Kajian ini juga dapat membantu pengkaji mendalami serta memahami masalah kajian. Juga dapat memberikan idea-idea atau membuktikan kebenaran dakwaan pengkaji berdasarkan kajian-kajian terdahulu.

### 1.3.3 PERSAMPELAN :

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan 'non-random', iaitu kaedah 'purposive-sampling'. Kelompok sasaran bagi kajian ini adalah individu Jawa dalam komuniti kampung Sungai Udang. Pemilihan responden atau sampel adalah berdasarkan ciri-ciri berikut ;

i- Umur ;

Pemilihan sampel adalah berdasarkan umur mereka, di mana pemilihan ini responden diambil dari 3 peringkat umur, yaitu peringkat umur remaja, belia, dewasa dan tua. Peringkat umur remaja ialah dari peringkat umur 14 hingga 19 tahun. Belia pula dari umur 20 hingga 39 tahun. Peringkat umur dewasa pula adalah dari umur 40 hingga 45 tahun, manakala peringkat umur tua pula adalah dari umur 46 tahun ke atas.

ii- Jantina ;

Sampel pemilihan ini juga diambil berdasarkan aspek ini iaitu responden diambil dari kedua-dua jenis jantina lelaki dan perempuan.

iii- Pendapatan ;

Pendapatan responden turut menjadi ukuran pengambilan sampel. Jurang pendapatan dibahagikan kepada 3 peringkat, iaitu pendapatan rendah, sederhana dan tinggi. Peringkat pendapatan rendah adalah dari jumlah yang memperoleh kurang dari \$400. Jumlah pendapatan sederhana pula adalah dari \$401 hingga \$800, manakala jumlah pendapatan tinggi pula adalah \$801 ke atas.

iv- Keturunan ;

Ini merupakan ciri terpenting bagi pemilihan responden, dimana responden yang dipilih adalah dari keturunan Jawa.

an ini. Ini disebabkan borang soal selidik lainnya di daup-  
ti tidak memuaskan, iaitu jumlah jawapan yang diberikan  
oleh responden tidak dapat dikaitkan dengan hal-hal terlalu umum.  
Ini menimbulkan keutuhan bagi pengkaji, di mana terdapat  
sebahagian dari borang tersebut terpaksa diisi semula oleh  
responden bagi mendapatkan jumlah peratusan yang sebenar.  
Malah terdapat tiada teratannya bagi soalan-soalan ter-  
bukanya memerlukan responden memberikan pendapat mereka.  
Akhirnya hanya 195 borang soal selidik sahaja yang diambil  
bagi kajian ini.

#### 1.4.3 Penerimaan responden ;

Secara keseluruhannya, penerimaan responden terhadap diri  
pengkaji adalah baik. Namun terdapat masalah penerimaan  
dari responden terutamanya dari golongan tua. Personaliti  
pengkaji yang berambut panjang mungkin mempengaruhi per-  
sepsi responden terhadap pengkaji. Timbul keadaan-keadaan  
di mana responden ini menampilkan sikap yang tertutup ter-  
hadap pengkaji. Siri-siri temu bual yang diadakan dengan  
mereka kerap kali tidak seperti yang diharapkan. Malahan  
terdapat keadaan di mana responden menolak untuk di temu  
bual oleh pengkaji. Masalah yang sama juga dihadapi apabila  
pengkaji menjalankan pemerhatian terhadap institusi mesjid.  
Terlihat dari perlakuan responden perasaan prejudis terha-  
dap diri pengkaji.

Masalah-masalah tersebut sedikit sebanyak mengganggu kelancar-  
an perjalanan kajian ini. Namun dengan bantuan dari ketua kam-  
pong Sungai Udang ini, masalah-masalah tersebut dapat diatasi.

an ini. Ini disebabkan borang soal selidik 1 ini di rakan-  
ti tidak memuaskan, iaitu jumlah jawapan yang diberikan  
oleh responden tidak lengkap dan tidak dengan betul luasan.  
Ini menimbulkan kesukaran bagi pengkaji, di mana terdapat  
sebahagian dari borang tersebut terpaksa di isi semula oleh  
responden bagi mendapatkan jawapan etu angka yang sebenar.  
Kewalahan tersebut timbul terutamanya bagi responden-  
soklan tersebut yang memerlukan responden memberikan pendapat mereka.  
Akhirnya hanya 105 borang soal selidik sahaja yang diambil  
bagi kajian ini.

#### 1.4.3 Penerimaan responden ;

Secara keseluruhannya, penerimaan responden terhadap diri  
pengkaji adalah baik. Namun terdapat masalah penerimaan  
dari responden terutamanya dari golongan tua. Personaliti  
pengkaji yang berambut panjang mungkin mempengaruhi per-  
sepsi responden terhadap pengkaji. Timbul keadaan-keadaan  
di mana responden ini menampilkan sikap yang tertutup ter-  
hadap pengkaji. Siri-siri temu bual yang diadakan dengan  
mereka kerap kali tidak seperti yang diharapkan. Malahan  
terdapat keadaan di mana responden menolak untuk di temu  
bual oleh pengkaji. Masalah yang sama juga dihadapi apabila  
pengkaji menjalankan pemerhatian terhadap institusi mesjid.  
Terlihat dari perlakuan responden perasaan prejudis terha-  
dap diri pengkaji.

Masalah-masalah tersebut sedikit sebanyak mengganggu kelancar-  
an perjalanan kajian ini. Namun dengan bantuan dari ketua kam-  
uang Sungai Udang ini, masalah-masalah tersebut dapat diatasi.

## 1.5 LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN :

Kampung Sungai Udang ini memang dipilih untuk dikaji kerana di teliti dari aspek geografi, kampung ini adalah terletak berhampiran dengan bandar. Keadaan ini kebiasaannya mengubah struktur masyarakat keseluruhannya. Namun berdasarkan kajian awal yang dijalankan mendapati terdapat lagi aspek tradisi yang masih kekal, misalnya seperti hubungan bersewaka yang mampu mencetuskan 'organic solidarity'. Berikut adalah latar belakang kampung tersebut secara umum ;

### 1.5.1 Lokasi ;

Kedudukan kampung ini adalah terletak dikawasan Kelang Selatan. Ia terletak kira-kira lima kilometer dari bandar Kelang. Kampung ini dapat dikatakan sebagai ditengah-tengah diantara bandar Kelang dan bandar Pelabuhan Kelang, di mana ia terletak kira-kira enam kilometer dari Pelabuhan Kelang. Ini dapat dilihat dalam lampiran 1. Kampung ini dapat dikatakan berbentuk huruf 'L', di mana ianya terletak di sebatang jalanraya yang berbentuk 'L'.

### 1.5.2 Penduduk ;

Majoriti penduduk kampung ini merupakan orang-orang Jawa. Jumlah penduduk kampung ini di sekitar 6,000 orang yang terdiri dari berbagai keturunan Melayu. Tidak terdapat kaum lain yang menetap di kampung ini. Penduduk asal kampung ini merupakan orang-orang Jawa, akibat dari pembangunan ekonomi serta lokasinya yang terletak berhampiran dengan pusat kegiatan ekonomi membawa masuk ramai penghijrah dari negeri-negeri lain. Kebanyakan dari pendatang ini merupakan pe-



#### 1.3.4 Ekonomi ;

Kegiatan ekonomi tradisional tidak lagi dilakukan oleh masyarakat kampung ini. Perkembangan ekonomi serta pertumbuhan bandar Kelang dan Pelsbuan Kelang sebagai pusat ekonomi menyebabkan perubahan pola pendapatan anggota masyarakat kampung ini. Penduduk kampung ini kini menamalkan budaya makan gaji. Banyak dari mereka yang keluar kerja di bandar. Tetapi apa yang nyata, terdapat semacam keseragaman di kalangan anggota masyarakat ini dalam bidang ekonomi. Dapat dikatakan jumlah terbesar anggota masyarakat ini adalah berpendapatan sederhana. Jumlah ini kebanyakannya merupakan golongan belia dalam masyarakat ini. Sebahagian besar dari golongan ini merupakan bekerja kilang atau menjawat jawatan am di jabatan kerajaan.

Aktiviti pertanian kini hanya merupakan sumber pendapatan sampingan penduduk kampung. Kebanyakannya menanam sayuran untuk kegunaan sendiri. Tiada lagi individu kampung ini yang menjalankan kegiatan pertanian secara komersial. Kegiatan pertanian kini digantikan dengan membina rumah-rumah sewa di tanah mereka. Penyewaan rumah kini menjadi fenomena yang biasa di kampung ini. Anggota masyarakat membina rumah-rumah untuk disewakan kepada pendatang luar yang masuk sebagai akibat dari pembangunan ekonomi di kawasan ini. Pembangunan yang pesat ini dapat dilihat dengan terdirinya sebuah kilang di kampung ini. Terdapat juga cawangan kilang yang mengeluarkan atau memproses komponen barangan, seperti barangan elektrik.

#### 1.5.5 Pentadbiran :

Kampung Sungai Udang ini terletak di dalam wilayah Kelang. Pentadbiran kampung ini adalah dibawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kelang. Majlis ini berperanan bagi bahagian perkhidmatan, di mana ianya berfungsi memnjalankan perkhidmatan sosial seperti mengutip sampah. Dari aspek pengurusan bulia kampung ini terletak dibawah pengurusan jabatan pegawai daerah Kelang. Ia berfungsi bagi menguruskan perkhidmatan yang perlu bagi kampung ini, menguruskan soal kewangan dan sebagainya. Sesungguhnya, kampung ini terletak dibawah pentadbiran dan pengurusan Majlis Perbandaran Kelang dan Pejabat Daerah Kelang.